

D484

R B832 A A B  
MAHATHIR - SABAH

KUALA LUMPUR, 10 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENASIHATKAN PARTI-PARTI POLITIK DI SABAH SUPAYA TIDAK HENGGUNAKAN ISU ANTI KERAJAAN PERSEKUTUAN UNTUK MEMANCING UNDI PADA PILIHAN RAYA NEGERI ITU BULAN DEPAN.

KATANYA, ISU ITU BOLEH MEMECAH-BELAHKAN RAKYAT DAN MENIMBULKAN PERASAAN BURUK SANGKA ANTARA PENDUDUK SEMENANJUNG DENGAN SABAH.

+SAYA TELAH MEMINTA SUPAYA PERKARA ITU JANGAN DIJADIKAN ISU KERANA IANYA TIDAK SIHAT DAN BOLEH MEWUJUDKAN PERPECAHAN DAN PERASAAN BURUK SANGKA ANTARA SEMENANJUNG DAN SABAH,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT PRE-COUNCIL DI BANGUNAN PARLIMEN, DISINI, H A R I INI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS TINDAKAN PARTI-PARTI POLITIK DI SABAH YANG MENGGUNAKAN ISU DEMIKIAN MENJELANG PILIHAN RAYA NEGERI ITU YANG DIJADUALKAN PADA 16 DAN 17 JULAI DEPAN.

MENURUT LAPORAN, PELBAGAI ISU ANTI KERAJAAN PERSEKUTUAN DIMAINKAN OLEH PARTI-PARTI POLITIK DI SABAH TERMASUK DAKWAAN KONONNYA SABAH MASIH KETINGGALAN DALAM PEMBANGUNAN. -- LAGI  
2054MST 10 06 90

D486

R B833 A A B  
MAHATHIR - SABAH 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SESIAPAPUN BOLEH MELIHAT SENDIRI DAN MEMBUAT PERBANDINGAN TENTANG PEMBANGUNAN DI SABAH DENGAN BEBERAPA NEGERI DI SEMENANJUNG.

MENGULAS CAPANGAN BEBERAPA PEMIMPIN PEMBANGKANG NEGERI ITU UNTUK BERGABUNG DENGAN PEMIMPIN PEMBANGKANG DI SEMENANJUNG, BELIAU BERKATA, MEREKA BEBAS BERBUAT APA SAJA KERANA MALAYSIA MENGAMALKAN DEMOKRASI.

+YANG PENTING RAKYAT YANG MENENTUKAN NASIB MEREKA, KALAU MEREKA HENDAK MEMILIH ORANG YANG MEMPUYAI PENDIRIAN YANG TIDAK TETAP . . . LOMPAT SANA MACAM KATAK, MACAM BELALANG . . . KITA JANGANLAH MARAH, ESOK KALAU KERAJAAN (JADI) TAK TENTU ARAH MACAM BELALANG,+ KATANYA. PERDANA MENTERI JUGA MENGESAHKAN BELIAU TELAH MENCADANGKAN DIPILIH ANGGOTA PARLIMEN AMPANG JAYA, ENCIK ONG TEE KEAT SEBAGAI TIMBALAN SPEAKER DEWAN RAKYAT YANG BARU BAGI HENGGANTIKAN ENCIK D. P. VIJANDRAN.

BELIAU BERKATA, CADANGAN BELIAU ITU TELAH DISOKONG OLEH PRESIDEN MIC, DATUK SERI S. SAMY VELLU. -- BERNAMA  
2058MST 10 06 90